



JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(1) Jun. 2013 (01–09)

Peninggian Vokal Dialek Sarawak

Sharifah Raihan Syed Jaafar

raihan.syed.jaafar@yahoo.co.uk

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini membincangkan perubahan vokal dialek Melayu Sarawak di kawasan Kampung Tanjung Budong. Data diperolehi daripada sesi temu bual bersama tiga orang responden. Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan kerangka teori Optimaliti. Analisis mendapati vokal rendah /o/ dan /e/ di suku kata pertama dalam dialek ini mengalami peninggian. Dua vokal ini masing-masing direalisasikan sebagai vokal tinggi [u] dan [i]. Kekangan yang memainkan peranan penting dalam perubahan vokal daripada rendah menjadi tinggi ini ialah kekangan KORONAL-tinggi, yang menghendaki vokal selepas konsonan yang mempunyai fitur [+koronal] mestilah terdiri daripada vokal tinggi. Oleh itu, kekangan KORONAL-tinggi mendominasi kekangan-kekangan relevan yang lain seperti IDENT[F]-IO dan MAK-IO di dalam hierarki tatattingkat kekangan dalam analisis peninggian vokal dalam dialek ini.

Kata kunci: dialek Sarawak, peninggian vokal, Melayu, Teori Optimaliti

Abstract

This study discusses the changes of vowels in the Sarawak dialect of Malay in Kampung Budong. Data obtained from the interview sessions where three respondents were interviewed. The analysis found that the low vowels /o/ and /e/ in the initial syllable of the roots become high vowels. These two vowels are realised as [u] and [i], respectively. The constraint which plays a significant role in the changes of the low vowels to high vowels is CORONAL-high which demands a vowel after a consonant with the feature [+coronal] must be a high vowel. The CORONAL-high constraint therefore must dominate other relevant constraints in the constraint ranking in the analysis of vowels rising in Sarawak dialect.

Keywords: Sarawak dialect, vowels raising, Malay, Optimality theory

1. Pengenalan

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia yang padat dengan jumlah penduduk, hasil ekonomi mahupun keluasan kawasannya (Collins, 1987). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia Julai 2010, jumlah penduduk di Sarawak ialah seramai 2.5 juta orang manakala jumlah penduduk di kawasan Samarahan pula seramai 54,700 orang sahaja. Keluasan negeri Sarawak ini menandakan bahawa Sarawak mempunyai banyak bahasa (Asmah Hj Omar, 1985). Antara bahasa-bahasa yang ada di negeri Sarawak ialah bahasa Iban, bahasa Melanau, bahasa Bidayuh dan banyak lagi.

Walaupun wujud pelbagai bahasa di Sarawak, namun bahasa Iban mempunyai jumlah penutur yang paling ramai berbanding dengan penutur Dialek Melayu Sarawak (DMS) (Collins, 1987). DMS adalah salah satu daripada dialek Melayu yang terdapat di negeri Sarawak yang menunjukkan perhubungan kekeluargaan yang dekat dengan bahasa Melayu seluruhnya kerana terdapat banyak ciri persamaan di antara kedua-duanya (Madzhi 1988). Menurut

Asmah (1987), DMS merupakan subdialek asas dalam dialek Sarawak. Kawasan subdialek Kuching dianggap sebagai kawasan tumpuan bagi subdialek-subdialek Melayu Sarawak lainnya.

DMS di Kota Samarahan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang menyebabkan DMS berbeza dengan dialek Melayu yang lain termasuk juga berbeza dengan dialek Melayu Kuching. Selain itu, DMS mempunyai sedikit perbezaan kata dan istilah dengan dialek-dialek lain tetapi mempunyai persamaan dari segi makna (Mohd Ali Salim, 2007). Misalnya “ungga” dalam dialek Kelantan bermaksud “berlari” manakala dalam DMS berlari disebut “berekot”. Terdapat juga sesetengah kata DMS yang sama ejaan dengan dialek lain tetapi membawa maksud yang berbeza. Misalnya “gerek” dalam dialek Kedah bermaksud basikal manakala “gerek” dalam DMS bermaksud ‘kekasih’.

Selain perbezaan leksikal, DMS juga memperlihatkan vokal yang berbeza dengan bahasa Melayu standard. Dalam DMS vokal yang rendah pada input akan ditinggikan pada output contohnya kata “rompak” akan disebut sebagai “rumpa?”. Keadaan sedemikian yang menyebabkan perbezaan antara DMS dengan bahasa Melayu standard kerana bahasa Melayu standard tidak mengalami peninggian vokal pada peringkat output. Apa yang berlaku pada vokal DMS tidak berlaku pada bahasa Melayu standard kerana bahasa Melayu standard merupakan sebutan baku iaitu apa yang dieja akan sama dengan apa yang disebut. Misalnya kata “rompak” tidak akan menjadi “rumpa?”. Selain itu juga, tidak semua leksikal akan mengalami perubahan vokal seperti mana yang berlaku dalam DMS. Peninggian vokal yang amat ketara dalam DMS melibatkan vokal rendah /e/ yang berubah kepada vokal tinggi /i/ dan juga vokal rendah /o/ akan berubah kepada vokal tinggi /u/.

Peninggian vokal seperti yang berlaku dalam DMS tidak berlaku dalam bahasa Melayu standard. Misalnya leksikal /leleh/, dalam bahasa Melayu leksikal tersebut masih disebut sebagai [leleh] tetapi dalam DMS leksikal itu disebut sebagai [lileh]. Manakala bagi leksikal /topi/ akan disebut sebagai [topi] dalam bahasa Melayu standard tetapi dalam DMS disebut sebagai [tupi]. Namun sedemikian, tidak semua vokal-vokal yang mengalami peninggian dalam DMS akan berubah contohnya “beras” tidak disebut sebagai “biras”. Hal ini kerana, seperti yang dinyatakan sebelum ini vokal tersebut berubah disebabkan oleh konsonan yang mengikutinya. Namun begitu, pengecualian berlaku ke atas vokal /a/. Vokal /a/ tidak akan mengalami peninggian pada peringkat output walaupun vokal /a/ pada suku kata pertama didahului oleh konsonan [+koronal]. Hal ini kerana vokal /a/ tidak terlibat dengan peninggian vokal dalam DMS. Walau bagaimanapun, vokal /a/ tidak berubah pada suku kata pertama tetapi berubah menjadi vokal belakang rendah /ɔ/ pada suku kata terakhir bagi kategori suku kata terbuka (KV) sahaja. Keadaan sedemikian menarik minat pengkaji untuk membuat kajian peninggian vokal yang berkaitan sahaja dalam DMS.

Kajian ini walau bagaimanapun tidak bertujuan melihat perbezaan penggunaan leksikal antara dialek-dialek Melayu, sebaliknya akan memfokuskan pada perubahan vokal DMS di Kota Samarahan. Kajian perubahan vokal ini pula hanya akan fokus pada peninggian vokal, iaitu perubahan vokal rendah menjadi vokal tinggi dengan menggunakan analisis tatattingkat kekangan daripada teori Optimaliti (Prince dan Smolensky 1993).

2. Kajian Lepas

Kajian fonologi terhadap DMS kurang mendapat perhatian ahli-ahli bahasa Melayu. Antara kajian fonologi DMS yang telah dilakukan ialah kajian oleh Collins (1987), Asmah (1985) dan Madzhi (1988). Kajian-kajian ini walau bagaimanapun hanya membincangkan aspek-aspek bunyi dialek tersebut pada tahap asas sistem bunyi dialek berkenaan sahaja. Perbincangan mendalam khususnya proses-proses yang menyebabkan input boleh berubah. Berikut merupakan huraian berkenaan dengan kajian-kajian lepas yang hanya membincangkan DMS berdasarkan kepada aspek-aspek bunyi pada tahap asas sahaja.

Collins (1987), telah melakukan penyelidikan tentang ciri tatabunyi dialek Sarawak dalam bukunya yang bertajuk “Dialek Melayu Sarawak”. Berdasarkan buku itu, didapati Collins membuat tentang keseragaman DMS di Lembangan Sungai Sarawak iaitu Santubong, Buntal, Bako dan Muara Tebas. Manakala di bahagian Samarahan pula Collins membuat kajian di Muara Tuang dan Tanjung Bundong. Berikut merupakan rumusan hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh Collins:

[kəʔaʔ]	‘kerak’ (nasi)	}	hentian glotis
[ajaʔ]	‘ajak’		
[pəte]	‘petai’	}	diftong
[pulɔ]	‘pulau’		

Berdasarkan kepada rumusan dapatan kajian Collins di atas, beliau lebih kepada mengkaji hentian glotis dan juga diftong di kawasan kajian tersebut. Kajian beliau hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Asmah (1985). Asmah turut mengkaji diftong DMS mengikut subdialek-subdialek utama di Sarawak. Dapatan kajian yang diperoleh oleh Asmah ialah:

Sistem vokal – diftong

(1) Contohnya :	[palɔy] ‘bodoh’	$\begin{pmatrix} aw \\ ay \end{pmatrix} \longrightarrow \begin{pmatrix} ɔ \\ e \end{pmatrix}$
	[kusɔy] ‘sejenis kuih’	
	[kalɔy] ‘sejenis ikan’	
	[danɔ] ‘dangau’	

Rangkap vokal

(2) Contohnya :	[kueh] ‘kuih’	$\begin{pmatrix} ue \\ ɔa \\ iɔ \end{pmatrix}$
	[koat] ‘kuat’	
	[lior] ‘liur’	

Berbeza dengan kajian Madzhi (1988) pula, beliau membuat kajian fonologi iaitu kajian terhadap kosonan dan vokal dialek tersebut. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa vokal /a/ pada suku kata akhir akan mengalami perubahan iaitu berubah kepada vokal /ɔ/ contohnya [ada] akan disebut sebagai [adɔ]. Begitu juga dengan vokal /i/ akan berubah kepada vokal /e/. Namun demikian, dalam dapatan Madzhi, tidak semua leksikal yang mempunyai vokal /i/ akan berubah kepada vokal /e/. Misalnya /anin/ tidak akan direalisasikan sebagai [anɛn]. Dalam kajiannya itu, Madzhi tidak memberikan sebarang justifikasi fonologi mengapa berlakunya perubahan vokal tersebut. Berbeza dengan kajian Madzhi, kajian ini akan membincangkan bagaimana perubahan vokal itu berlaku dalam DMS dengan menggunakan analisis tatattingkat kekangan, teori Optimaliti. Penggunaan teori amat penting dalam sesuatu analisis linguistik bagi membuktikan mengapa sesuatu fenomena itu terjadi dan bagaimana ia dapat dijelaskan dengan berpeda. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Sulaiman (2003), teori merupakan dasar dan rangka ilmu pengetahuan yang merupakan sekumpulan binaan konsep, definisi, bukti atau dalil dan saling berkaitan secara sistematik tentang suatu fenomena dengan menetapkan hubungan. Oleh itu, kajian mengenai perubahan vokal dalam DMS ini akan cuba dijelaskan dengan berbantuan teori Optimaliti.

3. Kaedah dan Data Kajian

Untuk mengenal pasti perubahan vokal yang berlaku dalam DMS, kaedah temu bual telah dilakukan ke atas beberapa orang responden di kawasan kajian iaitu di sekitar Kampung Tanjung Bundong. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang wanita yang berusia dalam lingkungan umur 40-60 tahun. Temu bual ini dirakam dan kemudiannya ditranskripsikan. Selepas proses pentranskripsian, proses seterusnya ialah mengenal pasti perilaku vokal yang terdapat pada data tersebut. Vokal yang mengalami perubahan dari rendah ke tinggi misalnya, vokal /o/ akan berubah kepada vokal /u/ manakala vokal /e/ akan berubah kepada vokal /i/ dikeluarkan dan diasingkan dalam satu kumpulan.

Berikut disenaraikan contoh data yang menunjukkan vokal rendah /o/ dan /e/ yang masing-masing berubah menjadi vokal tinggi [u] dan [i] yang diperoleh hasil daripada temu bual yang dilakukan:

Perubahan vokal /o/ menjadi vokal [u]

BMS	DMS
a. [roboh]	[yuboh]
b. [soŋsaŋ]	[suŋsaŋ]
c. [tolak]	[tulaʔ]
d. [stokiŋ]	[stukin]
e. [topi]	[tupi]
f. [rompak]	[yumpaʔ]
g. [lopak]	[lupaʔ]
h. [doŋak]	[duŋaʔ]
i. [tolon]	[tulon]
j. [toŋkat]	[tuŋkat]
k. [sopan]	[supan]
l. [rosak]	[yusaʔ]

Perubahan vokal rendah /e/ ke vokal tinggi [i]

BMS	DMS
a. [lebar]	[liba]
b. [selak]	[silaʔ]
c. [lecak]	[licaʔ]
d. [leleh]	[lileh]
e. [reben]	[yiben]
f. [sejjet]	[siŋit]

Daripada paparan data di atas, generalisasi yang dapat dibuat ialah: vokal rendah /o/ pada suku kata awal di peringkat input akan berubah menjadi vokal tinggi [u] pada peringkat output seperti dalam perkataan /topi/ dan /sopan/ disebut sebagai [tupi] dan [supan] masing-masing. Begitu juga dengan vokal rendah /e/. Vokal ini berubah menjadi vokal tinggi [i] di peringkat output. Contohnya perkataan /lebar/ dan /selak/ menjadi [liba] dan [silaʔ].

Seterusnya merupakan data bagi vokal /a/ yang tidak mengalami sebarang peninggian pada suku kata pertama sebaliknya mengalami peralihan kedudukan lidah dari depan ke belakang.

BMS	DMS
a. [ada]	[adɔ]
b. [muka]	[mukɔ]
c. [baca]	[bacɔ]
d. [suka]	[sukɔ]
e. [bomba]	[bombɔ]
f. [pala] (herba)	[palɔ]
g. [raya]	[rayɔ]
h. [ronda]	[rondɔ]
i. [masa]	[masɔ]
j. [mula]	[mulɔ]
k. [kaca]	[kacɔ]
l. [rasa]	[rasɔ]

Rumusan daripada data di atas, vokal depan rendah /a/ akan berubah menjadi vokal belakang rendah /ɔ/ yang hanya berlaku pada suku kata akhir terbuka (KV) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana konsonan yang mendahului atau didahului vokal tersebut. Oleh itu, vokal rendah /a/ tidak terlibat dalam kajian ini kerana vokal rendah /a/ yang bersifat fleksibel dari segi perubahan vokal terhadap mana-mana konsonan.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan secara teoretis perubahan vokal rendah yang mengalami peninggian. Perubahan vokal rendah menjadi vokal tinggi didasarkan kepada perubahan kedudukan lidah yang berlaku semasa penghasilannya. Madzhi (1988) menyatakan vokal dalam DMS terdiri daripada /a/, /e/, /ɔ/, /ɛ/, /u/, dan /o/. Berdasarkan vokal yang disenaraikan ini, didapati hanya vokal /e/ dan /o/ yang mengalami peninggian vokal. Vokal belakang rendah /o/ di peringkat dalaman dalam dialek ini direalisasikan sebagai vokal belakang depan tinggi [u]. Penghasilan vokal /o/ ke [u] ini melibatkan pergerakan belakang badan lidah yang menyentuh langit lembut berubah ke bahagian depan lidah yang menyentuh langit keras. Manakala perubahan vokal /e/ menjadi [i] pula melibatkan pergerakan lidah dari kedudukan separuh tinggi ke kedudukan tinggi.

Berdasarkan kepada paparan data perubahan vokal di atas, apa yang boleh diuraikan ialah, perubahan vokal yang berlaku dalam DMS adalah disebabkan oleh peralihan kedudukan lidah dan juga pengaruh daripada kedudukan konsonan yang mendahului oleh vokal-vokal yang mengalami perubahan tersebut. Konsonan yang mendorong perubahan vokal ini ialah konsonan koronal iaitu konsonan yang terhasil daripada hujung lidah yang menyentuh gigi-gusi (*alveolar*). Apabila vokal mengikuti konsonan-konsonan koronal, vokal tersebut akan berubah dari segi kedudukan lidah semasa menghasilkan output iaitu daripada kedudukan rendah menjadi kedudukan tinggi. Berikut diterangkan bagaimana konsonan koronal memainkan peranan dalam menentukan kedudukan vokal yang mengikutinya.

Konsonan koronal ialah konsonan yang dihasilkan dengan pergerakan bahagian hadapan lidah. Antara konsonan yang tergolong dalam kumpulan koronal ialah /t, d, s, z, n, l, r, ʃ, ʒ, tʃ, dʒ, ɲ/. Hubungan antara koronal dan vokal tinggi kebiasaannya kurang berlaku berbanding dengan koronal dan vokal depan (Hume 1992, dlm Kager 1993). Dalam kajian ini, pengkaji akan menunjukkan bahawa hubungan koronal dengan vokal tinggi berlaku dalam DMS. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam data di atas, vokal rendah /o/ dan /e/ selepas konsonan koronal masing-masing direalisasikan sebagai vokal tinggi [u] dan [i]. Oleh sebab vokal rendah selepas konsonan koronal

dalam DMS ini bertukar kepada vokal tinggi, kekangan yang memainkan peranan penting untuk memastikan hanya vokal tinggi sahaja hadir selepas konsonan koronal diperlukan dalam hierarki tatatingkat kekangan DMS. kekangan yang dimaksudkan ialah KOR-tinggi, seperti yang didefinisikan di bawah:

KOR-tinggi

Koronal diikuti oleh vokal tinggi

Kekangan di atas mensyaratkan vokal yang mengikuti konsonan koronal mestilah terdiri daripada vokal tinggi. Kekangan KOR-tinggi akan memilih calon [yum.paʔ] daripada input /rompak/ sebagai calon optimal. Vokal pada /o/ pada kata /rompak/ berubah menjadi vokal [u] di peringkat output, [yum.paʔ]. Calon [yum.paʔ] ini patuh pada kekangan KOR-tinggi kerana vokal selepas konsonan koronal /r/ adalah vokal tinggi [u]. Pematuhan calon ini pada kekangan KOR-tinggi menyebabkan ia ingkar satu kekangan lain. Perubahan vokal /o/ di input menjadi vokal [u] di output menyebabkan vokal ini mengalami perubahan dari segi identiti fitur, iaitu daripada [-tinggi] kepada [+tinggi]. Perubahan fitur ini berkait dengan hubungan kesetiaan identiti fitur bagi segmen di input dengan di output yang disyaratkan oleh kekangan yang dinamakan IDENT[F]-IO.

IDENT[F]-IO

Segmen-segmen yang berkoresponden di dalam input dan output harus mempunyai nilai fitur yang sama.

Kekangan IDENT[F]-IO adalah salah satu kekangan dalam keluarga kesetiaan yang menghendaki segmen di output mengekalkan kesetiannya dengan segmen yang terdapat di input dari segi identiti fitur. Oleh sebab calon [yum.paʔ] merupakan calon optimal bagi input /rompak/, maka vokal pada calon ini melanggar kekangan IDENT[F]-IO.

Hubungan dua kekangan yang telah diperkenalkan di atas, iaitu KOR-tinggi dan IDENT[F]-IO ditunjukkan dalam analisis tablo di bawah. Oleh sebab vokal selepas konsonan koronal mesti terdiri daripada vokal tinggi dalam DMS, maka pematuhan pada kekangan KOR-tinggi adalah tinggi. Dengan itu, kekangan ini ditatatingkatkan paling tinggi dalam tatatingkat kekangan dalam DMS. Jadi, skema tatatingkat kekangan yang relevan ialah: KOR-tinggi >> IDENT-IO:

/rompak/	KOR-tinggi	IDENT-IO
a. rom.pak	*!	
b.  yum.paʔ		*

Berdasarkan tablo di atas, calon (a) ditolak sebagai calon optimal kerana mengingkari kekangan yang paling tinggi, iaitu KOR-tinggi. Peningkaran kekangan ini berlaku apabila konsonan koronal iaitu konsonan [r] tidak diikuti oleh vokal tinggi seperti yang disyaratkan oleh kekangan KOR-tinggi. Disebabkan vokal [o] pada calon (a) yang hadir selepas konsonan koronal, maka calon ini mengingkari kekangan KOR-tinggi kerana vokal [o] bukan merupakan vokal tinggi. Sementara itu, calon (b) mematuhi kekangan KOR-tinggi kerana vokal [u] yang hadir selepas konsonan koronal adalah vokal tinggi. Perubahan vokal /o/ kepada [u] pada calon (b) ini walau bagaimanapun mengingkari kekangan IDENT[F]-IO kerana berlakunya perubahan identiti fitur pada vokal tersebut. Peningkaran pada kekangan IDENT[F]-IO oleh calon (b) walau bagaimanapun tidak signifikan kerana calon (a) telah pun tersingkir lebih awal. Oleh sebab itu, calon (b) muncul sebagai calon optimal. Diagram di bawah menunjukkan dengan lebih jelas bagaimana kekangan IDENT[F]-IO diingkari oleh calon (b):

Diagram peningkaran IDENT[F]-IO

Input:	output:
r o m p a k	y u m p a ?
[-tinggi]	[+tinggi]

Selain daripada calon di atas, satu lagi calon yang munasabah yang perlu dipertimbangkan dalam hierarki tatattingkat kekangan iaitu *[y_u.pa?]. Calon ini berpotensi muncul sebagai calon optimal kerana pengguguran nasal sebelum konsonan tak bersuara adalah satu strategi untuk menghindari deretan nasal-konsonan tak bersuara dalam salah satu dialek Melayu, iaitu Kelantan. Jadi, calon *[y_u.pa?] juga berpotensi menjadi calon optimal dalam DMS. Pengguguran segmen nasal sebelum konsonan tak bersuara seperti dalam calon *[y_u.pa?] menyebabkan kekurangan satu segmen di output daripada di input. Dalam TO, ketiadaan segmen input di peringkat output dijelaskan dalam teori Koresponden (McCarthy dan Prince 1995). Teori Koresponden menyatakan bahawa kesetiaan input-output adalah satu keperluan di mana kedua-duanya mestilah indentikal (Kager, 1999: 24). Salah satu kesetiaan input-output yang relevan yang dinyatakan dalam teori ini ialah MAKS-IO yang boleh didefinisikan seperti berikut:

MAKS-IO. Berikut diberikan skema umum kekangan kesetiaan MAKS-IO:

MAKS-IO

Tiada pengguguran dalam output.

Kekangan MAKS-IO mensyaratkan setiap segmen di input harus mempunyai korespondennya di peringkat output. Kekangan ini tidak membenarkan segmen di output digugurkan. Peningkaran calon *[y_u.pa?] ditunjukkan dalam diagram peningkaran MAKS-IO di bawah:

Koresponden diagram peningkaran MAKS-IO

Input:	r o m p a k
Output:	y u < > p a ?

Ketiga-tiga kekangan dan calon yang telah dibincangkan di atas di representasikan di dalam analisis tablo tatattingkat kekangan seperti di bawah. Skema tatattingkat kekangan yang baru selepas penambahan kekangan MAKS-IO ialah: KOR-tinggi >> MAKS-IO >> IDENT-IO:

KOR-tinggi >> MAK-IO >> IDENT-IO

/rompak/	KOR-tinggi	MAKS-IO	IDENT-IO
a. rom.pak	*!		
b.  yum.pa?			*
c. yu.pa?		*!	*
d. um.pa?			

Analisis tablo di atas menunjukkan calon (c) dan calon (a) patuh pada kekangan KOR-tinggi kerana vokal rendah /o/ berubah menjadi vokal tinggi [u] selepas konsonan koronal. Walau bagaimanapun calon (a) mengingkari kekangan MAKS-IO kerana pengguguran konsonan nasal yang berlaku sebelum konsonan tak bersuara [p] yang diaplikasikan sebagai cara menghindari deretan nasal-konsonan tak bersuara yang tidak dibenarkan dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu calon (c) disingkirkan sebagai calon optimal. Calon (a) yang mengingkari kekangan KOR-tinggi yang merupakan kekangan yang paling tinggi di tatatingkat hierarki juga tersingkir daripada pertandingan. Manakala calon (b) mengingkari kekangan IDENT-IO kerana vokal selepas konsonan koronal yang bertukar menjadi vokal tinggi [u] mengalami perubahan fitur. Dengan itu, calon (b) terpilih sebagai calon optimal kerana hanya mengingkari kekangan yang berada di tatatingkat yang paling bawah. Peningkaran calon (b) walau bagaimanapun tidak penting lagi kerana calon-calon yang lain sudah pun terkeluar daripada pertandingan.

Perbincangan di atas adalah mengenai perubahan vokal rendah /o/ menjadi vokal tinggi [i]. Seterusnya, dibincangkan pula perubahan vokal /e/ menjadi vokal tinggi [i] dalam DMS. Dengan menggunakan ketiga-tiga kekangan seperti dalam analisis di atas, berikut ditunjukkan tablo untuk menganalisis perubahan vokal /e/ menjadi [i]. Perhatikan, ketiga-tiga kekangan tersebut ditingkat sama seperti dalam analisis perubahan vokal rendah /o/ menjadi vokal tinggi [u].


Perubahan vokal rendah /e/ menjadi vokal tinggi [i]

KOR-tinggi >> MAKS-IO >> IDENT-IO

/lebar/	KOR-tinggi	MAK-IO	IDENT-IO
a. lɛ.ba	*!	*	
b. le.bar	*!		
c. ^h li.ba		*	


Dalam analisis tablo di atas, calon (a) dan (b) mengingkari kekangan tertinggi iaitu KOR-tinggi kerana vokal selepas konsonan koronal dalam kedua-dua calon ini bukan vokal tinggi. Peningkaran pada kekangan KOR-tinggi oleh kedua-dua calon ini dapat diilustrasikan dalam diagram peningkaran KOR-tinggi di bawah:

Diagram peningkaran kekangan KOR-tinggi oleh calon (a) dan (b)



Berdasarkan rajah di atas, peningkaran kekangan KOR-tinggi dapat dilihat pada suku kata awal leksikal /lebar/ itu. Kedua-dua calon ini masing-masing mempunyai vokal rendah [e] dan [ɛ] yang hadir selepas konsonan koronal [l]. Oleh itu kedua-dua calon ini ditolak sebagai calon optimal. Berdasarkan tablo di atas, calon (a) dan (c) yang mengingkari kekangan MAK-IO. Peningkaran kedua-dua calon ini terhadap kekangan MAK-IO berlaku pada suku kata akhir. Mengambil calon (c) sebagai contoh, berikut rajah pematuhan dan peningkaran kekangan MAKS-IO:

Pengguguran Getaran



Pengingkaran calon (a) dan (c) terhadap kekangan MAK-IO berlaku pada suku kata kedua iaitu /r/ pada hujung kata digugurkan. Pengguguran getaran /r/ pada akhir kata memang semula jadi berlaku dalam DMS. Pengguguran getaran /r/ ini tidak dipengaruhi oleh mana-mana komponen yang berada sebelumnya di akhir kata. Disebabkan /r/ digugurkan, maka calon (a) dan (c) itu tidak mengingkari kekangan MAK-IO. Dapat disimpulkan hasil analisis terhadap input /lebar/ mendapati bahawa calon (c) dianggap sebagai calon optimal kerana calon ini berjaya meminimumkan jumlah pengingkaran kekangan yang terendah. Walaupun calon (b) hanya mengingkari satu sahaja kekangan namun calon tersebut paling awal sekali ditolak sebagai calon optimal kerana calon ini mengingkari kekangan yang teratas. Begitu juga dengan calon (a) yang mengingkari kekangan yang teratas iaitu kekangan KOR-tinggi.

5. Kesimpulan

Hasil perbincangan menunjukkan vokal yang hadir selepas konsonan koronal mengalami peninggian. Vokal rendah /o/ dan /e/ yang mengikuti konsonan koronal seperti dalam perkataan /*tonjkat*/ dan /*selak*/, masing-masing direalisasikan sebagai [tunjkat] dan [silak] di mana vokal selepas konsonan koronal itu berubah menjadi vokal tinggi [u] dan [i]. Situasi di mana vokal yang mengalami peninggian apabila mengikuti konsonan koronal ini dikecualikan pada vokal rendah /a/. Hal ini kerana dalam DMS vokal rendah /a/ pada awal suku kata tidak mengalami peninggian tetapi mengalami perubahan kedudukan lidah dari kedudukan depan ke kedudukan belakang. Hal ini menyebabkan vokal rendah /a/ tidak dikaji oleh penulis dalam kajian yang melibatkan peninggian vokal dalam DMS. Oleh sebab vokal selepas konsonan koronal mesti terdiri daripada vokal tinggi, maka satu kekangan yang memainkan peranan penting memastikan bahawa hanya vokal tinggi sahaja yang dibenarkan hadir selepas konsonan koronal diperlukan dalam analisis tatatingkat kekangan DMS. Kekangan yang relevan yang dimaksudkan ialah KOR-tinggi. Dengan adanya kekangan KOR-tinggi, kehadiran vokal rendah selepas konsonan koronal dapat disingkirkan.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1985. *Dialek Sarawak*. Dlm Susur Galur Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1987. *Jaringan Dialek Melayu Di Wilayah Laut Cina Barat Daya*. Dlm Dialek Melayu Sarawak: Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim.
- Kager, R. 1999. *Optimality Theory*. United Kingdom: Cambridge University.
- Madzhi Johari. 1988. *Bunyi Vokal Dialek Melayu Kuching*. Dlm Fonologi Dialek Melayu Kuching. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1998. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. 2003. *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Zaharani Ahmad. 1993. *Fonologi Generatif : Teori Dan Penerapan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.